

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]**

**SOALAN**

**TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kedudukan pelaburan negara di luar negeri, nyatakan jumlah pelaburan, syarikat-syarikat terlibat termasuk GLC sepanjang 2020 dan 2021.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Berdasarkan maklumat daripada Kementerian Kewangan, pelaburan langsung di luar negeri (*Direct Investment Abroad - DIA*) melibatkan pelaburan dari Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Company*) dan syarikat-syarikat dari sektor swasta di dalam sub-sektor perkhidmatan kewangan, maklumat dan komunikasi serta sektor perkilangan dan perlombongan.

Bagi tahun 2020, Malaysia telah merekodkan DIA oleh entiti pemastautin Malaysia sebanyak RM11.9 bilion. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2021 pula, nilai DIA adalah sebanyak RM11.8 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 141 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2020 sebanyak RM4.9 bilion.

Dari segi pulangan kepada negara, DIA telah menjana pendapatan pelaburan sejumlah RM18.4 bilion yang telah dihantar pulang ke Malaysia pada tahun 2020. Sebanyak RM15.2 bilion pendapatan pelaburan dihantar pulang bagi tempoh Januari hingga Jun 2021. Jumlah tersebut

menunjukkan peningkatan sebanyak 71 peratus berbanding tempoh yang sama dalam tahun sebelumnya di mana jumlah pendapatan pelaburan yang telah dihantar pulang adalah sebanyak RM8.9 bilion.

Jumlah terkumpul aliran bersih DIA setakat Jun 2021 adalah sebanyak RM537.7 bilion. Dari jumlah tersebut, pelaburan terkumpul keseluruhan bagi lima entiti pemastautin Malaysia utama yang membuat pelaburan di luar negeri setakat Jun 2021 adalah sebanyak RM188.8 bilion atau 35 peratus.

Bagi pecahan DIA terkumpul mengikut destinasi pelaburan asing setakat Jun 2021, lima negara teratas yang menjadi pilihan pelabur Malaysia adalah Singapura (RM107.9 bilion atau 20.1 peratus), Indonesia (RM50.1 bilion atau 9.3 peratus), United Kingdom (RM34.5 bilion atau 6.4 peratus), Kanada (RM19.8 bilion atau 3.7 peratus) dan Amerika Syarikat (RM18.7 bilion atau 3.5 peratus). Manakala jumlah DIA yang dilaburkan di kalangan negara anggota ASEAN adalah sebanyak RM190.9 bilion atau 35.5 peratus berbanding dengan negara-negara lain sebanyak RM 346.8 bilion atau 64.5 peratus.